


Jeram Kenaboi gamit pengunjung

Lokasi pencinta alam semula jadi nikmati pengalaman berkhemah di tepi sungai



Oleh Mohd Khidir Zakaria
bhnews@bh.com.my

Selepas terkurung akibat COVID-19 sejak hampir dua tahun lalu menyebabkan haluan peminat aktiviti lasak mula mencari lokasi riadah di kawasan sejuk dan menyegarkan selepas kebenaran merentas negeri.

Antara lokasi pilihan destinasi dilencangkan ke Jeram Kenaboi, Jelebu di Negeri Sembilan, iaitu kawasan rekreasi yang memiliki keindahan alam semula jadi.

Ada banyak lokasi di sini tetapi bagi peminat aktiviti lasak sambil beriadah bersama keluarga, Kenaboi Adventure Kem adalah pilihan tepat.

Laluan ke sini sejauh 30 Kilometer dari Kuala Kelawang, Jelebu melalui Kampung Chennah dan Kampung Esok amat mendebarkan.

Pernah jadi lokasi pemburuan penganas

Tidak hairanlah, suatu ketika dahulu ia adalah lokasi strategik pemburuan penganas komunis yang menjadi sebagai antara Markas Regimen Ke-10 yang diketuai Chin Peng satu masa dahulu.

Laluan berliku sejauh 6 kilometer (km) daripada jalan luar daripada Kampung Chennah amat mendebarkan dan penulis teringat ini adalah kawasan sejarah pernah dipelajari ketika masih dalam perkhidmatan tentera 10 tahun dahulu.

Terokai hutan lipur

Sebaik sampai, pastinya akan disapa pemilik Kenaboi Adventure Kem, Khairil Anuar Zainal Azman, 50, yang menjaga dan meneroka hutan lipur dibuka kepada orang ramai sejak dua tahun lalu.

Lokasi ini pernah dijadikan kawasan latihan peserta kursus sejak 10 tahun lalu sebelum ia dibuka untuk orang ramai namun namanya terus dikekalkan Kenaboi Adventure Kem.

"Walaupun ia dibuka kepada orang ramai tetapi ia sepi kerana pandemik COVID-19 dan baru sekiranya meriah dipenuhi pengunjung yang datang untuk beriadah, namun tetap dikawal bagi mengelak-

kan limpahan orang ramai mengikut prosedur operasi standard (SOP).

"Kami juga bekerjasama bersama Jabatan Perikanan Negeri Sembilan yang melepaskan ikan kelah untuk menjadikan kawasan ini sebagai kawasan pelancongan bagi pemanding selama hari nanti," katanya.

Lokasi mendamaikan

Beliau berkata, kawasan ini masih dalam proses pembesaran untuk memberi keserasian kepada orang ramai dan penggemar lokasi sungai berlabuh yang mendamaikan.

"Buat masa sekarang ada 40 tapak perkhemahan tetapi kerana pandemik COVID-19, saya kurang kapada 24 tapak mengikut syarat SOP dibenarkan.

"Saya juga memberi nasihat kepada pengunjung agar berhati-hati jika hujan, bimbang terjadi kepada air seperti yang pernah berlaku pada 2011, namun tiada kemalangan jiwa ketika itu," katanya.

Pelancongan air tawar

Khairil Anuar berkata, kawasan ini jarang diketahui orang ramai kerana tidak pernah disiarkan oleh mana-mana media sejak dua tahun lalu.

"Tidak lama dibuka untuk orang ramai, kita terpaksa tutup akibat pandemik COVID-19 dan baru kini sejak sebulan lalu ia dibuka kepada orang ramai, namun dalam kapasiti kurang daripada jumlah tapak khemah yang ada.

Kem

Kenaboi Adventure

Kem mempunyai suasana semula jadi yang pasti menggantikan kedatangan pengunjung yang sukakan persekitaran yang mendamaikan.

(Foto Mohd Khidir Zakaria/BH)

Antara kawasan yang boleh disewa untuk tujuan riadah kepada peminat aktiviti lasak di Sungai Kenaboi.

Pengunjung juga boleh melakukan aktiviti perkhemahan.



"Kami juga akan membesarakan kawasan ini untuk tujuan lebih ramai orang datang beriadah di kawasan ini suatu hari nanti dengan sasaran lebih 100 tapak khemah boleh dipasang di sini," katanya.

Pengunjung tetap, Mohd Noor Rasident, 39, berkata lokasi di Sungai Kenaboi ini boleh dijadikan kawasan pelancongan air tawar yang terkenal di Negeri Sembilan.

"Kelebihannya selain mempunyai sungai yang cantik, air jernih dan kawasan perkhemahan luas, ia juga mempunyai jalan masuk cantik dan banyak tempat letak kereta

walaupun jalan agak berliku.

"Ada banyak lokasi kepada penggemar aktiviti lasak meredah hutan dan mendaki bukit sekitar kawasan dan yang paling mendamaikan adalah deruan air sejuk hingga tiru lena tidak terganggu, sesuai untuk mereka yang cinta-kan kedamaian alam semula jadi," katanya.

Sungai berbatu dan menyamankan

Bagi bekas atlet silat, Nurhanif Juha, 31, dia tertarik dengan kawasan sekitar yang agak mencabar dan sungai berbatu sejuk untuk percutian keluarga.

"Kawasan ini amat sesuai untuk keluarga, namun perlu berhati-hati jika musim tengkujuh kerana bimbang tragedi 'kepala air' walaupun ia jarang berlaku di sini."

"Saya suka cabaran air deras di sini tetapi yang datang berkeluarga pasti anak tidak dibiar kan bersendirian ketika mandi tanpa diawasi orang dewasa."

"Lokasi ini sangat sesuai untuk mereka yang suka cabaran, kedamaian, keunikan dan air jernih sejuk terutama tengah hari," katanya yang datang dari Gemas, Negeri Sembilan.

